

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002  
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VII - MASJID**

---

**Seksyen 84. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal bagi masjid dan tanah yang berkaitan dengannya.**

(1) Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana surat cara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam Negeri Melaka.

(2) Tiap-tiap masjid, bersama dengan tapak masjid itu dan mana-mana tanah yang berhubungan dengan dan digunakan bagi maksud-maksud masjid itu, selain tanah Kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik, terletak hak pada Majlis bagi maksud-maksud Enakmen ini.

---